

Pelancaran buku, seminar berhubung alkohol di UMS pada 21 April

DE 12.04.2012 6

KOTA KINABALU: Acara pelancaran buku dan seminar berkaitan alkohol dan isu-isu sekitarnya akan diadakan di Sekolah Perubatan Universiti Malaysia Sabah (UMS) dari 8.30 hingga 11 pagi pada 21 April.

Acara anjuran bersama IOGT International, sebuah NGO antarabangsa, Kumpulan Intervensi bagi Salah Guna Alkohol, Sabah (di bawah naungan MERCY Malaysia), UMS dan Kementerian Kesihatan itu akan membantu mewujudkan kesedaran mengenai keburukan yang berpunca daripada alkohol di Sabah.

Alkohol berada di tangga ketiga dalam senarai bahan paling berbahaya terhadap kesihatan di dunia Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan menyebabkan 4 peratus daripada semua kematian dan 6 peratus daripada semua kecacatan di seluruh dunia.

Kajian terbaru yang dijalankan UMS daripada 470 orang di bahagian Utara Sabah menunjukkan 80 peratus daripada mereka yang mengambil alkohol mabuk dengan cara membahayakan.

Corak peminuman yang paling biasa adalah peminuman mengikut nafsu, termasuk semasa acara-acara kebudayaan.

Peminuman mengikut nafsu meningkatkan risiko masalah kesihatan termasuk serangan jantung, strok dan kemalangan, serta masalah sosial seperti keganasan rumah tangga dan pergaduhan.

WHO mengesyorkan tidak lebih daripada dua minuman standard diminum dalam satu-satu upacara (satu minuman standard ialah kira-kira satu tin 5 peratus bir, 120ml Tapai, 80ml Montoku, dan 40ml wiski).

IOGT International adalah sebuah kumpulan yang telah menjalankan kajian mengenai advokasi alkohol sejak 1951 dan sekarang ini "komuniti pertubuhan bukan Kerajaan yang terbesar di dunia dan dengan misi untuk memberi kesedaran kepada masyarakat dunia tentang gaya hidup bebas daripada alkohol dan dadah lain.

Pengarah Eksekutif IOGT International, Esbjorn Hornberg, akan memberi ceramah di seminar itu mengenai peranan masyarakat umum dalam mengurangkan keburukan berkaitan alkohol.

Ceramah juga akan disampaikan Dr. Thaksaphon, Pengarah Pusat Kajian Alkohol, Thailand dan Dr Helen Lasimbang, Pengerusi MERCY Malaysia, cawangan Sabah.

Presiden MERCY Malaysia, Dato' Dr. Ahmad Faizal Mohd Perdaus juga dijangka hadir semasa pelancaran buku tersebut.

Selepas seminar itu, sekumpulan kecil pemimpin masyarakat, pekerja belia dan profesional kesihatan akan dijemput ke bengkel dua hari untuk latihan dan berkongsi idea mengenai bagaimana keburukan berkaitan alkohol boleh dikurangkan.

Mereka yang menghadiri seminar itu, yang diadakan secara percuma, akan diberi salinan buku tersebut, Alcohol and the Family, Alcohol and Gender dan Alcohol and HIV.

Mereka yang berminat untuk menghidirinya boleh hubungi 016-7733889 atau e-mel ke deidrefd@gmail.com untuk mendaftar. Untuk pertanyaan dila hubungi Helen Lasimbang di 019-881 9318.